

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hubungan antara Jakim dan 'Halal Industry Development Corporation' (HDC) dalam mempromosi halal di peringkat antarabangsa memandangkan HDC tidak mempunyai kuasa untuk mempromosi prosedur pensijilan halal Jakim sedangkan pensijilan Halal Malaysia adalah diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia dan amat diminati oleh syarikat-syarikat antarabangsa.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Industry Development Corporation (HDC) mempunyai peranan dan fungsi yang berbeza mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan. JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan

Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) telah diberikan tanggungjawab untuk menjalankan segala aspek Pensijilan Halal Malaysia di negara ini. Hal ini diperkasakan lagi melalui pewartaan JAKIM dan MAIN/JAIN sebagai pihak berkuasa yang berwibawa dalam pensijilan halal di Malaysia sepertimana peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Manakala HDC pula berfungsi mempromosikan halal Malaysia ke pasaran antarabangsa dan membangunkan industri halal terutamanya di kalangan syarikat milikan tempatan.

Walaupun JAKIM dan HDC mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing, namun kerjasama di antara kedua-dua pihak ini sentiasa dilaksanakan demi menjayakan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai 'Global Halal Hub'. Di antara bentuk kerjasama penting yang telah dilaksanakan adalah dalam aspek pembangunan standard halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.